

HAL EHWAL TANAH AIR

Perjuangan kita:

MELAYU ATAU MALAYAN

Oleh Dr Burhanuddin

Dasar dan Tujuan Perjuangan

Tiap-tiap sesuatu perjuangan itu mesti ada anggaran dasar dan tujuannya yang teguh dan nyata didasarkan di atas hak dan keadilan.

Misalnya perjuangan agama seperti Islam jika kita simpulkan dasarnya ialah Tauhid Al-Khalik dan tujuannya keselamatan dunia dan akhirat.

Perjuangan kebangsaan dasarnya ibu pertiwi (watan-natus-nasci) dan tujuannya kemerdekaan penuh bagi anak dan ibu pertiwi (bangsa dan nusa) dalam erti kebebasan dan kemerdekaan.

Perjuangan kebangsaan Melayu dasarnya seluruh ibu pertiwinya dan tujuannya kebebasan dan kemerdekaan penuh bangsa dan nusanya. Tiap-tiap perjuangan itu mesti ada rancangan yang teratur tetap dan nyata. Seperti rancangan permulaan, menengah dan kesudahan.

Mana-mana perjuangan yang tak terang dasar, tujuan dan rancangannya bukan sahaja akan mengelirukan pengikutnya malah mudah sekali dikelirukan orang-orang sehingga gagal dan menjadi tanggungan kepentingan orang lain.

Perjuangan Melayu ragu-ragu sekarang :-

Saya telah berulang-ulang menerangkan dan membentangkan perjuangan kebangsaan Melayu yang sebenar dan perjuangan Malayan. Tetapi kerana permintaan yang bertalu-talu dan memandangkan ada golongan bangsa kita yang ragu-ragu keliru dan bingung dimain dan dilambung-lambung oleh gelora pergolakan politik Tenggara Asia – faham Timur dan Barat – lebih-lebih lagi gelora

darurat di tanah air kita yang berlaku sekarang – tawarikh dunia menunjukkan berulang-ulang bahawa kekalahan besar bagi sesuatu bangsa itu saban kali berlaku ialah oleh kecuaihan, kelemahan dan ketewasan dalam kaum itu sendiri

lebih dahulu dikalahkan oleh musuh. Kerana keadaan perjuangan kebangsaan kita sesama kita maklum maka saya perlukan mengulang-ulangnya lagi. Untuk menolakan keraguan dan kekeliruan dan memperingatkan supaya perjuangan kebangsaan melayu yang telah diperjuangkan selama ini yang dipusakai turun menurun telah pun memakan penderitaan dan pengorbanan yang tak sedikit jangan hendaknya terpesong dan terkandas atau tenaga perjuangan kebangsaan Melayu (National Forces) yang telah diperjuangkan selama ini bertukar menjadi tenaga perjuangan dan kepentingan orang lain (bukan Melayu), hal ini menunaikan terjadi jika tidak lekas disedari atau disedarkan lagi yang mana akibatnya sangat-sangat buruk yang akan dikutuk oleh anak cucu bangsa Melayu di belakang hari.

Perjuangan politik kebangsaan Melayu yang sehabis-habis kencang dalam sejarahnya di zaman yang akhir ini ialah dimulakan sesudah Perang Dunia Kedua. Dengan berlakunya pembubaran dan sekatan badan pergerakan Melayu yang progressif dan tinggal gerakan kanan Melayu yang telah bertelingkah dan timbul pula rancangan Jawatankuasa Perhubungan Kaum (CLC) maka panaslah soal perjuangan



Dr Burhanuddin

Melayu atau Malayankah. Bangsa Melayu tertanya-tanya ke mana mereka dipimpin!

Kita boleh ringkaskan sahaja kesimpulan perjuangan kebangsaan Melayu itu pada pesan Laksamana Hang Tuah “Tak Melayu hilang di dunia” tegasnya mengawal dan memelihara wujud, keturunan, nama kehormatan kedaulatan dan keagungan Melayu jangan lenyap dan hilang malah timbul, kembang megah dan cemerlang di muka dunia setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang hidup dan mulia.

Perjuangan kebangsaan Melayu bukan diundur ke belakang ke zaman keagungan yang lampau atau mara ke hadapan supaya terbabas menjadi malayan yang diperjuangkan oleh orang dagang atau muslihat dagang tetapi perjuangan kebangsaan Melayu mestinya berdiri tegak dan bulat mempertahankan dan memelihara hak dan keadilan turun menurun bangsa dan nusa Melayu.

Datang Portugis menjajah tanah air kita datuk nenek kita terus mempertahankan Melayu seperti kata Hang Tuah itu. Datang penjajahan Belanda demikian jua sikap yang diteruskan oleh datuk nenek kita.

Datang Inggeris kita dapati semua treaty-treaty diperbuat dengan Raja-raja Melayu tidak ada sama sekali dengan Malayan. Hal ini amat nyata dan terang Melayu ber-treaty dengan Inggeris dan Inggeris berjanji melindungi negeri-negeri Melayu. Melayu tetap menghormati janji dan menghormati orang-orang dagang daripada apa bangsa jua.

Melayu tetap berdiri dan berpegang “Malaya hak Melayu” bukan Malaya hak Malayan, orang Melayu belum pernah menyebut-nyebut apa lagi memperjuangkan cogan yang akhir ini.

Sebelum Perang Dunia Kedua tidak pernah orang Melayu memanggil dirinya Malayan atau menamakan kelab, perkumpulan, persekutuan, persatuan atau sebagainya dengan nama Malayan

tetapi semuanya memakaikan nama Melayu atau Inggeris Malay seperti persatuan Melayu, kesatuan Melayu, persidangan agung Melayu, kongres Melayu seluruh Malaya, Brunei dan Sarawak.

Hinggakan setelah Perang Dunia Kedua timbul pergerakan Melayu yang berterus-terang dan progresif itupun memakaikan nama Parti Kebangsaan Melayu. Dan kemudian timbul lagi Kebangsaan Melayu Bersatu.

Tegasnya diri sifat berseorang-seorang, berkelab, ber-association, berorganisasi berparti maka bangsa Melayu semua memakaikan nama Melayu atau Inggerisnya Malay sebagaimana bangsa asing itu berkelab, berkumpulan, berpersatuan memakai dan merupakan bangsanya (Nationality) maka demikian jua bangsa Melayu memakai dan merupakan bangsanya iaitu puak dan nasionalitinya maka bukanlah nama Melayu itu merupakan puak sahaja (Community) atau race tetapi sebenarnya merupakan bangsa (Nationality) atau hasrat kebangsaan Melayu (Malay Nation).

Ingatlah riwayat Melayu menentang Malayan Union.

Perjuangan Malayan:-

Bila dan bagaimana timbulnya Malayan dan perjuangannya itu bukanlah soal baharu tetapi semenjak nama Semenanjung Tanah Melayu ini ditukar namanya Malaya. Maka yang bersifat dan bernisbah kepada Malaya disebut Malayan seperti India jadi Indian – Amerika jadi American – Indonesia jadi Indonesian dan sebagainya.

Menurut maknanya atau terjemah yang telah dipakai dari mula-mula memakaikan perkataan Malayan itu bererti Melayu sahaja tetapi perkara dan kebenaran mesti diingati sebagaimana yang telah diterangkan orang atau bangsa Melayu tak pernah memakaikan Malayan itu Melayu kerana bangsa Melayu bertetap berbangga dan bermegah dengan sebutan dan nama Melayu atau Malay.

Walaupun menurut istilahnya dahulu Melayu yang mesti memakaikan sebutan Malayan itu bukan orang lain sebagaimana yang terpakai pada ketentuan MCS itu.

Siasah pintu terbuka Inggeris berjalan terus – buruh-buruh dari berbagai jenis dibawa masuk. Modal luar dimasukkan ke Malaya. Pasar dan pekan-pekan dipenuhi oleh orang dagang. Orang Melayu terdesak ke kampung-kampung maka sekolah-sekolah dan peluang ekonomi terbuka dengan luasnya kepada orang-orang dagang itu maka lapangan ekonomi dan pelajaran orang daganglah yang mendapat peluang yang baik dan berkedudukan yang mewah.

Manakala kebangunan rasa kebangsaan berkobar-kobar di negeri asal orang dagang itu seperti Indian dan China maka perasaan politik itu terbabit dan terbawalah ke Malaya ini sesudah mereka dapat kedudukan yang baik dalam ekonomi dan pelajaran mereka menuntut pula dalam hak berpolitik. Hak berpolitik hanya ada pada bumiputera sahaja di mana-mana jua dalam dunia ini maka mereka tidak boleh dan memakaikan nama melayu malah orang memandang rendah pula kepada bangsa Melayu. Maka sebagaimana bangsa Inggeris dapat memakaikan panggilan Malayan pada jawatan sedang orang Melayu pun tak ambil berat pada sebutan Malayan masa itu maka mereka ambil peluang menggunakan nama Malayan itu.

Orang yang menamakan dirinya Malayan itu bolehlah dibahagikan (1) Golongan yang betul putih hati hendak berwatankan Malaya (2) Golongan mencari dua belah kepentingan (3) Golongan terikut-ikut.

Dengan bertambah besar dan luasnya ladang-ladang dan lombong-lombong di Malaya dan pecahnya perang China-Jepun dahulu bertambah banyakkah orang Cina dan India datang ke Malaya ini.

Dalam masa pendudukan Jepun dan setelah Perang Dunia Kedua perjuangan Malayan itu bertambah-tambah besar hingga merupakan satu faktor yang tiada dapat diasingkan dari

soal Malaya sehingga kerajaan British membawakan Perlembagaan Malayan Union.

Mana janji dan apa perlindungan British.

Treaty Michael dan datangnya perlembagaan Malayan Union sangat mengacau akan perasaan bangsa Melayu. Walaupun demikian golongan kebangsaan Melayu yang progresif. Berani menyambut suatu Malayan Union dengan syarat bersetuju dan selaras kandungan perlembagaan dengan perjuangan dan hasrat cita-cita Kebangsaan Melayu. Begitu pun hingga hari ini soal yang di atas itu masih belum bangsa Melayu dapat jawapan yang jua sehingga sesudah berjalan perlembagaan Presiden. Kedudukan ekonomi dan pelajaran orang yang bukan Melayu telah mengatasi Melayu sekarang kedudukan politik pula dilapangkan.

Menyatukan Dua Cita-cita

Angkatan Kebangsaan Melayu Muda setelah menghalusi dan insaf pada duduk perkara yang sebenar dalam cita-cita kebangsaan Melayu dan perjuangan Malayan menampak dan menjelaskan bahawa rancangan Presiden tak dapat menjamin dan menegakkan keamanan dan kemakmuran Malaya.

Perkara yang mesti disedari oleh orang Malayan ialah Malaya hak Melayu. Malaya tuan rumahnya Melayu. Malayan hendak serumah dengan Melayu – Melayukah mesti melaburkan perjuangan kebangsaannya ke dalam kebangsaan Malayan atau Malayan melabur ke dalam kebangsaan Melayu? Pada hal Melayu sedar mereka lah yang terbanyak bilangan dihitung panjang daripada Malayan yang tulen ataupun yang setengah tiang. Soal ini ada orang memandang sentimen tetapi sebenarnya tidak kerana perpecahan kebangsaan Melayu cuma di antara nun dan ku tetapi di dalam perjuangan Melayu masih banyak pancarobanya lagi. Dan lagi atas nama bangsa Melayu atau perjuangan Melayu hingga makalah ini ditulis belum lagi ada membuat sesuatu

ikrar atau persetujuan baharu menukar kebangsaan Melayunya kepada kebangsaan Malayan.

Tetapi kerumitan dan kesulitan yang besar dalam soal kebangsaan ini jalannya telah dapat dilorong dan diatasi oleh 10 anggaran dasar putera Malayan dan Melayu telah merupakan bersatu padu dan menghormati anggaran dasar yang sepuluh itu di bawah pimpinan kebangsaan Melayu yang tulen dan bulat bukan kebangsaan Melayu dipimpin oleh Malayan. Maka cita-cita dan gerakan kebangsaan Melayu yang tulen dan waras itu dituduh pula dengan tuduhan yang tiada waras maka jadilah Malaya tidak waras hingga hari ini.

Terlambat dan Salah Tiru

Pergerakan kebangsaan Melayu yang besar menyedari pentingnya perhubungan dan pertalian dengan British tetapi hak dan keadilan kebangsaan Melayu hendaklah dibuktikan menurut semangat treaty-treaty yang lalu tenaga kebangsaan Melayu yang tulen adalah tenaga yang kuat dan perkasa dapat dipergunakan untuk kepentingan mempertahankan dan mengawal muslihat bersama yang hak dan adil.

Cadangan jawatankuasa di antara bangsa-bangsa (CLC) itu telah pun ditegur dan dibangkang oleh bangsa Melayu yang sedar - di setengah tempat dan bahagian membayangkan seperti beruang sayangkan tuan. Kapak naik pemedang. Mencapak perjuangan kebangsaan Melayu. Penganjur mengekor maka bagaimanakah perubahan nasib mereka yang dicita-cita. Sementelahan pula di dalam golongan pemimpin Melayu yang dahulunya menyokong (CLC) itu telah menunjuk dan menyuarakan tak setujunya yang boleh ditinjau mungkin menjarak dan membawa pertelingkahan di antara kaum-kaum hingga dalam satu-satu kaum itu sendiri maka bagaimanakah diharap sokongan rancangan atau cadangan yang bertentangan dengan rasa pusaka dan hasrat perjuangan

kebangsaan Melayu yang tulen yang ingin aman dan damai serta kukuh berpegang kepada adat istiadat dan kebudayaannya.

Meniru Malaya jadi Malayan membandingkan Amerika – American. Indonesia – Indonesian itu cara (CLC) Terang-terang sudah ketewasan kedudukan dan hak Melayu bila dihalusi daripada dua segi perjuangan Melayu dan Malayan. Malaya dan Malayan pada orang Melayu serupa seperti kedudukan Theodor Land East Indies (Hindia Timur Belanda (N.E.I) di Indonesia dahulu sedang Indonesia dan Indonesian gerakan nasionalis yang mutlak dari umbi-umbinya maka Malaya Melayu itulah gerakan kebangsaan mutlak dan tuan rumah yang mutlak.

KALAU ISTERI TUAN MENGANDUNG...

Kalau isteri tuan mengandung, jangan lupa ubat beranak “Cap Kambing Gurun” dengan menggunakan ubat ini tak payah berdiang – tak payah bersali. Harganya \$12.50.

Bersih pos pesan kepada:-

YAHYA ARIFF
37, JALAN KANGSAR,
KUALA KANGSAR.